

P

erutusan



**KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Pelan Induk Landskap (PIL) adalah merupakan pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap di sesebuah kawasan. Ia disediakan bagi memastikan aspek landskap dibangunkan dan dipelihara selaras dengan matlamat pembangunan negara. Selain itu, pelan induk landskap juga mampu menyokong pembangunan sektor pelancongan dan alam sekitar sesebuah kawasan. Ia menggariskan cadangan projek bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Adalah diharapkan penyediaan pelan induk landskap ini dapat dijadikan garis panduan penting bukan sahaja kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, malahan juga kepada agensi pelaksana lain seperti perunding landskap, pemaju-pemaju, NGO, orang-orang perseorangan dan keseluruhan penduduk Johor Bahru Tengah ke arah menjadikan Johor Bahru Tengah sebagai **'BANDAR TEKNOLOGI DALAM TAMAN'**.

Pelaksanaan dasar dan cadangan program diutarakan dalam Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah secara tidak langsung akan mempertingkatkan kualiti alam sekitar disamping menjana peluang pekerjaan dari segi pembangunan dan penyelenggaraan landskap. Pelaksanaan landskap sudah pasti akan dapat dinikmati oleh keseluruhan penduduk Johor Bahru Tengah.

Akhir kata, saya berharap agar semua pihak menggunakan dokumen ini sebagai panduan pembangunan landskap kearah menjadikan Bandar Johor Bahru Tengah sebagai sebuah bandar yang indah dan selesa. Kerjasama daripada semua pihak juga adalah penting untuk membangunkan Bandar Johor Bahru Tengah ini tanpa menimbulkan kesan negatif kepada alam persekitarannya. Kepada semua pihak yang menjayakan kajian ini, saya mengucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


**DATO' HAJI ISMAIL BIN NGAH
KMN, PMT**